

## HUBUNGAN RAKAN SEBAYA AGRESIF DALAM KALANGAN MAT MOTOR DI PULAU PINANG, MALAYSIA

(*Aggressive Peer Relationship Among Mat Motor In Penang, Malaysia*)

Zalmizy Hussin

### ABSTRAK

Artikel ini meneliti isu hubungan rakan sebaya agresif dalam kalangan Mat Motor di Pulau Pinang. Dalam kajian ini, Mat Motor merujuk “individu yang menyertai konvoi bersama kumpulan geng jalanan lain dan biasanya menjadi penonton sahaja”. Kajian ini memberi tumpuan kepada hubungan rakan sebaya yang bertingkah laku agresif yang diinterpretasikan oleh informan. Kajian ini juga telah menggunakan satu strategi penyelidikan abduktif melalui pendekatan interpretivist dan metod fenomenologi. Sampel dipilih melalui kaedah pesampelan bertujuan. Jumlah peserta kajian adalah seramai 20 orang. Data dikutip dengan teknik pemerhatian ikut-serta dan teknik temu bual secara mendalam. Nota-nota temu bual dan lapangan dianalisa dengan menggunakan perisian Nvivo untuk membangunkan kategori-kategori, menggambarkan pola-pola dan mewujudkan tipologi-tipologi. Hasil kajian telah menunjukkan hubungan rakan sebaya agresif telah diinterpretasikan melalui penyertaan mereka dalam aktiviti konvoi bersama geng jalanan pada waktu malam. Pada kebiasaannya, aktiviti mereka bermula di sebelah malam berbanding pada waktu siang. Mereka menunggang secara berkumpulan yang besar hingga mengganggu ketenteraman di jalan awam tanpa menghiraukan peraturan lalu lintas. Hasil kajian juga menunjukkan interpretasi informan menyertai aktiviti konvoi bersama geng jalanan adalah mencari keseronokan, akses mudah keluar malam, sikap ibu bapa dan keadaan di rumah. Situasi tersebut tercetus hasil daripada ekspresi luaran seperti tidak dapat menyesuaikan diri, tidak diterima dalam sistem sosial dan tindak balas tekanan dalaman yang dialami. Perbincangan kajian mengupas isu ini dari sudut perspektif konsep mob mentality. Oleh itu, isu ini perlu difahami secara mendalam. Hal ini mengelakkkan berlakunya polemik masyarakat yang hanya merugikan negara kelak. Remaja yang tidak menyumbang kepada negara hakikatnya telah merugikan diri mereka sendiri dan juga negara secara keseluruhannya.

**Kata kunci:** faktor risiko, rakan sebaya agresif, mat motor, Pulau Pinang

### ABSTRACT

This article examines aggressive peer issues among Mat Motor in Penang. In this study, Mat Motor refers to “individuals joining convoys with other street gang groups and usually become spectators”. This study focuses on aggressive peer-to-peer relationships that are interpreted by informants. This study has also used an abductive inquiry strategy through an interpretivist approach and a phenomenological method. Samples were selected through a purposive sampling method. The total number participants was 20 people. Data is cited in depth interview techniques. Interview and field notes are analyzed using Nvivo software to develop categories, illustrating patterns and creating typologies. The results of the study have shown that aggressive peers have been interpreted through their participation in the activity of a convoy with a street

gang at night. Typically, their activity starts at night rather than during the day. They ride in large groups to disturb peace in public roads regardless of traffic rules. The findings also show that interpretation of informants participating in convoy activities with street gangs is seeking fun, easy access to nights, parents' attitudes and circumstances at home. The situation arose as a result of external expressions such as inability to adjust, not accepted in the social system and internal stress response experienced. Discussions explore this issue from the perspective of the concept of mob mentality. Therefore, this issue needs to be understood in depth. This prevents the occurrence of community polemics that only harm the country. Overall, adolescents who did not contribute to the country actually did harm themselves and the country.

**Keyword:** risk factor, aggressive peers, mat motor, Penang

## PENGENALAN

Sejak akhir-akhir ini, aktiviti berkonvoi di jalanan pada waktu malam telah mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat. Kewujudan gejala ini hakikatnya merupakan simptom kecil daripada penyakit permasalahan sosial yang lebih besar. Hal ini kerana keadaan jiwa mereka yang sentiasa bergelora dan ingin memenuhi segala impian. Terlalu banyak perkara yang diidamkan dan ingin dicapai. Ketika di peringkat inilah, mereka mudah terdedah kepada pelbagai tarikan seperti hiburan, fesyen, gajet dan sukan yang ada baik buruknya. Pendedahan dan tarikan yang kuat berterusan mempengaruhi hati, pemikiran dan sikap mereka ke arah pembentukan satu manifestasi tingkah laku yang negatif. Lantas, mereka meluahkan segala pemberontakan yang ada di dalam jiwa di jalan raya. Secara langsung, ia memberi kesan kepada aspirasi terhadap makna kehidupan yang rendah dan gelap. Contohnya, berserah kepada nasib, tiada usaha untuk membaiki diri dan tiada perancangan masa depan.

Senario kini telah memaparkan Mat Motor bukan sekadar terjebak dalam aktiviti berkonvoi di jalanan tetapi turut terlibat dalam tingkah laku agresif dan salah laku jenayah kekerasan. Hal ini kerana mereka mewakili dari fenomena “bongkah ais” iaitu terdapat permasalahan sosial yang lebih besar (Ismail & Borhanuddin, 2009). Tingkah laku agresif ini tercusus hasil daripada ekspresi luaran seperti tidak dapat menyesuaikan diri, tidak diterima dalam sistem sosial dan tindak balas tekanan dalaman (Zalmizy, 2017). Mereka berpotensi untuk meningkatkan faktor risiko yang mempamerkan pelbagai jenis tingkah laku agresif (verbal dan fizikal) yang lain (Ibrahim, et al., 2015).

Terdapat beberapa penerangan teori bagi memahami tingkah laku agresif ini. Teori pilihan misalnya, berhujah bahawa tingkah laku agresif adalah hasil keputusan rasional individu yang dilakukan adalah bertujuan, bermakna, bermanfaat, dan komited setiap kali mereka melakukannya (Jackson & Knepper, 2003: 69). Andaian utama teori ini adalah manusia pada dasarnya rasional dan hedonistik; memiliki kebebasan dan membuat keputusan-keputusan yang disengajakan untuk berkelakuan berdasarkan pengiraan keperitan dan keseronokan terbabit (McCaghy, Capron & Jameson, 2003: 12). Oleh itu, melanggar undang-undang dilakukan jika ganjaran yang berkaitan dengan tindakan yang dianggap menjadi lebih besar daripada hukuman (Siegel, 2002: 48). Teori sifat, sebaliknya pula menyalahkan tingkah laku delinkuen (agresif) atau jenayah ke atas individu yang mempunyai sifat-sifat fizikal atau psikologi yang menyimpang. Andaian ini berhujah bahawa tingkah laku delinkuen (agresif) sebagai impulsif

atau naluri bukannya rasional pilihan (Siegel, 2002: 47). Sesetengah pakar berpendapat bahawa punca tingkah laku agresif adalah psikologi. Mereka menganggap bahawa kebanyakannya tingkah laku agresif adalah manifestasi daripada beberapa masalah psikologi. Perspektif ini menjelaskan jenayah adalah teori personaliti, teori psikoanalitik dan corak pemikiran jenayah (lihat Arrigo, 2006: 20). Teori-teori ini berkongsi pandangan bahawa tingkah laku agresif dan jenayah berasal daripada struktur personaliti dan proses kognitif individu (Arrigo, 2006: 20).

Kajian berkaitan faktor risiko pengaruh rakan sebaya agresif dalam kalangan Mat Motor sangat terhad dilakukan. Begitu juga kajian lepas terhadap sampel Mat Motor juga sangat terhad dikaji. Kajian yang terhad ini menyebabkan ruang bagi dapatan kajian berkaitan isu sosial masih banyak perlu diisi. Kekurangan ini seterusnya telah menimbulkan persoalan seperti apakah faktor risiko yang mempengaruhi penglibatan kumpulan ini dalam tingkah laku agresif? Secara konseptualnya, faktor risiko telah meningkatkan kebarangkalian mereka untuk bertindak secara agresif dan melibatkan diri dalam aktiviti masalah sosial yang lain (Jessor, Costa, Krueger, & Turbin, 2006). Apabila terdedah kepada risiko, peningkatan tingkah laku agresif dalam kalangan Mat Motor dilihat sebagai satu ancaman besar yang mendorong ke arah salah laku jenayah. Impaknya, boleh mempengaruhi personaliti mereka menjadi agresif dan ganas. Justeru, kajian berkaitan faktor risiko pengaruh rakan sebaya agresif harus diperbanyakkan dan wajar dikaji secara mendalam. Hal ini kerana peningkatan faktor risiko seperti pengaruh rakan sebaya, keluarga dan persekitaran sosial telah menjadi penghalang kepada kelangsungan pembangunan modal insan golongan belia dalam konteks membina negara. Kegagalan memahami faktor risiko ini hakikatnya telah menyebabkan berlaku kegiatan salah laku jenayah secara berleluasa tanpa kawalan oleh pihak berwajib.

## **SOROTAN KARYA**


### ***Mat Motor***

Aktiviti berkonvoi sebenarnya dilakukan oleh sekumpulan belia yang digelar sebagai Mat Motor. Dalam artikel ini, istilah Mat Motor telah didefinisikan sebagai “individu yang menyertai konvoi bersama kumpulan geng jalanan lain dan biasanya menjadi penonton sahaja” (Zalmizy, 2017). Dalam kajian ini, karakter Mat Motor telah dikenal pasti seperti Rajah 1 berikut.

### ***Rakan Sebaya Agresif***

Rakan sebaya adalah merupakan sahabat setia yang mempunyai lingkungan latar belakang sosial, minat yang sama dan suka bersama dalam pelbagai aktiviti dan matlamat. Rakan sebaya juga merupakan satu unit sosial yang berfungsi sebagai berkongsi nilai dan tingkah laku yang sama dalam satu struktur sosial. Remaja yang mempunyai hubungan dengan rakan sebaya yang agresif telah dikenal pasti sebagai faktor risiko yang penting penglibatan mereka dalam tingkah laku agresif (Bender, 2010). Hubungan dengan rakan sebaya yang terlibat dalam tingkah laku agresif seperti mencuri dan terlibat dalam pergaduhan (Fagan et al., 2007). Tingkah laku agresif dalam kumpulan rakan sebaya yang bertingkah laku agresif ini adalah berkemungkinan untuk mendapatkan penghormatan, populariti atau mengelakkan cemuhan (Ness, 2004). Kajian lepas menunjukkan bahawa keahlian dalam kumpulan samseng menguatkan hubungan tingkah laku agresif berbanding dengan rakan-rakan yang tidak mempunyai keahlian dalam geng jalanan

(Battin et al., 1998). Kajian tambahan telah menunjukkan hubungan dengan rakan sebaya agresif dilihat sebagai penyumbang kepada risiko agresif secara umum (Dishion, et al., 2010). Justeru, seseorang remaja perlu berhati-hati dalam memilih kawan. Hal ini kerana tidak semua rakan sebaya berniat baik, pasti ada yang ingin cuba mengheret ke arah kebinasaan. Maka, seseorang belia perlu sentiasa berwaspada dalam memilih kawan. Janganlah sampai tersalah pilih kawan yang mampu merosakkan masa depan.



Rajah 1: Karakter Mat Motor

(Sumber: Zalmizy, 2017)

Peranan rakan sebaya adalah merupakan satu lanjutan proses sosialisasi dalam keluarga. Kumpulan rakan sebaya ini berfungsi sekiranya hubungan dengan ibu bapa tegang dan suasana di rumah tidak menyenangkan. Golongan remaja atau belia yang mempunyai hubungan dengan rakan sebaya yang bermasalah telah dikenal pasti sebagai faktor risiko yang penting untuk tingkah laku agresif (Bender, 2010). Tingkah laku agresif dalam kumpulan rakan sebaya yang anti sosial ini adalah berkemungkinan untuk mendapatkan penghormatan, populariti atau mengelakkan cemuh orang (Ness, 2004). Kajian lepas menunjukkan penglibatan dalam geng jalanan menguatkan hubungan tingkah laku agresif berbanding dengan rakan-rakan yang tidak mempunyai keahlian dalam geng jalanan (Battin et al., 1998). Kajian tambahan telah mengenal pasti bahawa geng jalanan sebagai penyumbang kepada risiko tingkah laku agresif secara umum (Dishion, Véronneau & Myers, 2010).

Kajian lepas juga mendapati mereka mempunyai kawan yang ada rekod jenayah. Hal ini disebabkan oleh penolakan rakan sebaya yang menyebabkan mereka mencari kumpulan rakan sebaya yang lain yang sama dan boleh menerima tingkah laku yang dibawa. Menurut Twenge, Baumeister, Tice, & Stucke (2001) individu yang percaya mereka tidak diterima oleh rakan

sebaya lebih agresif berbanding dengan remaja yang diterima oleh rakan sebaya. Bagi menerangkan kenyataan ini, Twenge et al., (2001) berpendapat penolakan daripada rakan sebaya menyebabkan *self-regulation* seseorang remaja berkurangan. Dalam kata lain, penolakan rakan sebaya ini menyebabkan seseorang kehilangan motivasi untuk bertindak sebagai pro-sosial. Pada masa yang sama, individu yang tidak diterima oleh rakan sebaya akan mengalami masalah kekurangan kemahiran sosial dan agresif selain tingkah laku agresif yang menyebabkan mereka terlibat dengan belia yang devian. Menurut hipotesis Deshion et al. (1996), seseorang individu akan mencari kumpulan rakan sebaya dengan menggunakan usaha yang minimum. Menurut pandangan ini, remaja yang tidak diterima oleh rakan sebaya, akan mencari kumpulan rakan sebaya lain yang dapat menerima mereka tanpa perubahan tingkah laku.

## METOD KAJIAN

### *Persampelan bertujuan (purposive sampling)*

Kajian ini menggunakan teknik persampelan bertujuan untuk mengenal pasti subjek yang bersesuaian. Sampel adalah terdiri daripada mereka yang berkebolehan untuk mendapatkan semua maklumat yang diperlukan terhadap isu yang hendak dikaji (Merriam, 1998; Patton, 1990). Seramai 20 orang informan dijadikan sebagai sampel kajian. Saiz persampelan adalah kecil dan terpilih berdasarkan kriteria berikut: a) subjek kajian adalah terdiri daripada remaja yang mewakili sesebuah kumpulan Mat Motor yang aktif menjalankan kegiatan dan aktiviti berkonvoi di Pulau Pinang, b) subjek kajian berpengalaman dalam aktiviti ini yang sedang terlibat dengan aktif atau yang pernah terlibat dengan aktiviti tingkah laku agresif, dan c) kesediaan subjek kajian untuk berkongsi pengalaman kehidupan mereka sebagai Mat Motor. Kajian ini menggunakan metodologi strategi abduktif yang berorientasikan kepada pendekatan fenomenologi. Metodologi strategi abduktif digunakan bertujuan untuk mendapatkan dapatan kajian yang lebih sahih dan tulen dari perspektif dunia Mat Motor<sup>1</sup>. Oleh kerana kajian ini dijalankan untuk meneroka fenomena aktiviti berkonvoi berdasarkan pengalaman mereka, Creswell (2007) mencadangkan kaedah fenomenologi adalah lebih sesuai bagi pengkaji menyelami pengalaman subjektif kehidupan seseorang individu. Menurutnya, kajian fenomenologi adalah bertujuan untuk menerangkan maksud tentang konsep dan fenomena pengalaman kehidupan bagi individu masing-masing.

### *Pengumpulan data dan analisis data*

Data telah dikumpul melalui temubual yang mendalam dengan informan dalam tempoh masa enam bulan. Temubual telah dijalankan dengan menggunakan panduan temubual dan pita rakaman. Pengkaji memulakan analisis awal data ke atas temubual yang pertama dijalankan dengan menganalisis serta membina kategori serta tema dan kemudiannya disusuli dengan

<sup>1</sup> Dua justifikasi pemilihan strategi abduktif dalam kajian ini iaitu a) kerana realiti sosial dibina oleh aktor sosial termasuk komponen-komponen seperti bahasa sehari-hari, ilmu yang digunakan oleh aktor sosial dalam penghasilan dan penghasilan semula realiti sosial, serta tafsiran aktor-aktor sosial tentang pengalaman mereka sendiri, dan b) memahami makna yang diinterpretasikan melalui pandangan dunia aktor sendiri. Strategi ini bermula dengan menjelaskan motif dan makna sosial yang menghasilkan kategori dan konsep yang boleh dijadikan sebagai asas pemahaman dan penjelasan.

temubual yang seterusnya. Kesemua temubual disalin semula dan diformat untuk dimasukkan ke dalam pangkalan data Nvivo dan digunakan untuk membuat kategori dan indeks data. Oleh kerana data tersebut dalam bentuk teks, maka kaedah yang digunakan adalah dengan mewujudkan kategori, pengindeksan atau mengekodkan dokumen, pengisian data untuk mengesan corak dan menjana tipologi. Kenyataan daripada Informan telah dikenal pasti untuk penjelasan. Sekali lagi, selepas kategori dan sub-kategori yang telah dihasilkan, setiap transkripsi kemudiannya dikaji semula beberapa kali untuk kejelasan.

## **ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

### ***Mat motor***

Penemuan dapatan kajian menunjukkan majoriti informan Mat Motor terlibat dalam aktiviti berkonvoi seawal umur 15 dan 17 tahun. Hal ini selari dengan dapatan kajian di Australia yang menunjukkan aktiviti lumba haram telah tersebar luas dalam kalangan belia seawal umur 16 tahun yang mempunyai ciri-ciri kumpulan belia dan telah dikaitkan dengan kenakalan dan aktiviti jenayah (Leigh, 1996: 2). Walau bagaimanapun, pemboleh ubah seperti umur telah dianggap sebagai hubungan penting yang dikaitkan dengan sebarang tingkah laku agresif. Hal ini kerana berdasarkan kepada perkaitan umur dengan penglibatan dalam tingkah laku jenayah. Kebiasaananya, kes jenayah meningkat pada masa awal remaja dan kemuncak pada masa pertengahan remaja, diikuti oleh penurunan yang stabil selepas pengakhiran zaman remaja (McCord, Widom & Crowell, 2001).

### ***Rakan sebaya agresif***

Konsep rakan sebaya agresif yang dimaksudkan oleh informan adalah mereka menyertai konvoi geng di jalanan pada waktu malam (lihat Jadual 1). Konsep ini menurut pendapat informan ialah kebiasaananya apabila mereka keluar dan menyertai konvoi geng jalanan secara beramai-ramai pada waktu malam, bergerak perlahan-lahan dalam kumpulan konvoi ramai-ramai tanpa pedulikan pengguna lain, dan jika ada sekatan polis mereka melarikan diri. Dapatkan kajian menunjukkan mereka menyertai geng jalanan yang terdiri daripada geng-geng motor yang turut sama berkonvoi pada malam-malam minggu. Secara kebetulan atau spontan itu hanya bergantung kepada budi bicara ketua untuk membentuk satu pasukan konvoi yang ramai. Secara langsung, hal ini menunjukkan telah wujud atau terbentuk satu geng jalanan yang baru apabila dalam kalangan mereka mempunyai hobi, minat dan berfikiran yang sama.

Jadual 1: Faktor risiko rakan sebaya agresif mat motor

Faktor risiko rakan sebaya agresif	Interpretasi informan mat motor
Mencari keseronokan	berjumpa kawan, melakukan aktiviti berkonvoi dan melepak di kedai mamak
Akses mudah keluar malam	ibu bapa sibuk dengan urusan masing-masing tiada masa untuk mengawal informan beranggapan sudah besar dan boleh menjaga diri sendiri

Sikap ibu bapa	tiada perhatian daripada ibu bapa terasa diabaikan keluar jumpa kawan untuk mendapat perhatian orang ramai
Keadaan di rumah	tidak ada hiburan di rumah keluar jumpa kawan untuk isi masa lapang

(Sumber: Zalmizy, 2017)

### ***Mencari keseronokan***

Perkara ini telah didedahkan oleh Amin dan Kimi seperti berikut. Amin (bukan nama sebenar) dalam kenyataannya telah menyatakan bahawa:

*“setiap malam saya akan keluar bersama-sama kawan saya untuk serta konvoi ramai-ramai di jalan raya. Rasa seronok bila dapat berkumpul ramai-ramai dengan kawan-kawan. Lepas konvoi pi (pergi) lepak ramai-ramai kat kedai makan dan sembang sampai pagi. Biasanya geng yang kami jumpa tuu dari kalangan kawan-kawan sendiri. Kadang-kadang ada jugak geng lain mau join geng kami... tak kenai (kenal) pun...saja nak bagi meriah dan ramai...”.*

Sementara itu, Kimi (bukan nama sebenar) dalam kenyataannya menyatakan:

*“emm...best sangat dapat konvoi ramai-ramai. Naik motor gerak slow-slow di jalan raya. Saya tak pikiaq (fikir) dah orang lain nk kata apa. la ni dok ada lagi kumpul pada waktu malam. Kalo ada polis buat road block saya lari...”.*

### ***Akses mudah keluar malam***

Dapatan kajian juga memperlihatkan mereka mendapat akses yang mudah untuk keluar pada waktu malam. Perkara ini telah dinyatakan Anuar (bukan nama sebenar) telah menyatakan bahawa:

*“setiap malam saya dapat keluar dengan mudah...ibu bapa saya tak marah pun. Saya bebas keluar siang atau malam...ibu bapa saya sibuk dengan urusan masing-masing dan takdak masa langsung nak tengok-tengok saya ni. Laa ni saya sudah besaq (besar)...rasanya tak perlu kot saya dikawal oleh ibu bapa saya...”*

Hal ini kerana menurut informan telah menyatakan ibu bapa mereka terlalu sibuk dengan urusan kerja masing-masing. Ibu bapa informan dikatakan tidak kisah atau tidak ambil peduli informan keluar malam. Ibu bapa informan juga dikatakan tidak mempunyai masa untuk memerhatikan setiap gerak geri anak-anak. Menurut informan, beliau sudah besar dan tidak perlu dijaga seperti budak kecil.

### **Sikap ibu bapa sendiri**

Menurut informan yang Amran (bukan nama sebenar) telah menyatakan bahawa beliau menyalahkan ibu bapanya kerana tidak mengawal dan memberi perhatian pada informan. Informan menceritakan:

*“saya rasa ibu bapa saya yang salah...dari kecik sampai besaq takdak bagi kasih sayang dan perhatian pada saya. La ni (sekarang ini) saya rasa diri saya diabaikan. Saya rasa macam ibu bapa tak sayang kat saya. Jadi, lebih baik saya keluar jumpa kawan lagi baguih (bagus)...”.*

Hal ini menunjukkan ibu bapa informan terlalu sibuk dengan hal kerja sehingga tidak ada masa untuk melayan dan bermesra dengan anak-anak mereka. Keadaan ini menyebabkan anak-anak terasa diabaikan. Oleh sebab itu, mereka keluar untuk berjumpa kawan-kawan kerana ingin mendapat perhatian orang ramai. Sehubungan itu, kawalan sosial dari rumah (keluarga) gagal menyebabkan mereka mudah keluar rumah pada waktu malam. Hal ini sangat bahaya kerana masalah sosial berpunca daripada kurangnya kawalan ibu bapa terhadap anak-anak mereka di rumah.

### **Keadaan di rumah**

Dapatan kajian juga mendapati juga mendapati keadaan di rumah turut mempengaruhi mereka menyertai geng berkonvoi pada waktu malam. Perkara ini telah diceritakan oleh informan yang Bidin (bukan nama sebenar). Menurut informan:

*“saya bosan berada di rumah kerana takdak (tiada) hiburan yang best bagi nak isi masa lapang yang berfaedah... lebih baik saya keluaq (keluar) rumah dan pi (pergi) lepak-lepak dengan kawan-kawan. Naik motor ramai-ramai pun best ronda bandar pada waktu malam sampai pagi... kalo dok umah sekali pun takdak sapa (tiada siapa) pun nak sembang..memang bosan dok (berada) rumah taktau (tidak tahu) nak buat apa...”.*

Hal ini didapati informan suka melepak kerana berasa bosan tinggal di rumah. Mereka keluar rumah pada waktu malam kerana tiada hiburan untuk berhibur kerana tidak ada orang di rumah untuk bersembang-sembang. Keadaan ini menyebabkan informan membuat keputusan untuk keluar mencari hiburan dan melepak bersama kawan-kawan untuk memenuhi masa lapang informan.

Menurut Megan (2012), *mob mentality* merujuk “individu dalam sekumpulan mengalami *deindividuation* atau hilang kesedaran diri. Apabila seseorang individu deindividuate, mereka kurang cenderung untuk mengikuti sekatan dan halangan biasa dan lebih cenderung untuk kehilangan rasa identiti individu. Kumpulan boleh menjana rasa kegembiraan emosi, yang boleh membawa kepada provokasi tingkah laku bahawa seseorang”. Dalam kajian ini, istilah “mentaliti gerombolan” (*mob mentality*) merujuk pada ciri tingkah laku unik yang muncul ketika seseorang Mat Motor berada dalam sebuah kumpulan yang besar. Istilah ini sering dipakai dalam pengertian negatif. Hal ini kerana istilah “mob” atau “gerombolan” biasanya menimbulkan kesan tentang kumpulan orang yang bersifat agresif. Para ahli psikologi sosial yang meneliti tingkah

laku kumpulan juga menggunakan istilah-istilah lain seperti “tingkah laku kawan” (*herd behavior*), “mentaliti kawan” (*herd mentality*), atau pun “histeria kerumunan” (*crowd hysteria*) untuk menggambarkan tingkah laku yang mirip dengan hal tersebut.

Justeru, mentaliti kawan, atau mentaliti gerombolan telah menerangkan bagaimana seseorang individu dipengaruhi oleh rakan-rakan mereka untuk mengamalkan tingkah laku yang tertentu, mengikut trend tertentu dalam persekitaran kehidupan mereka. Hal ini menurut Leigh (1996) telah berhujah bahawa mereka yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti ini adalah sebahagian besarnya adalah individu yang mempunyai minat aktif dalam sukan bermotor. Ada kalanya juga dalam tempoh tertentu mereka mencabar pihak berkuasa dan mengganggu ketenteraman awam (Falconer & Kingham, 2007: 183).

Dalam kajian ini, *mob mentality* atau mentaliti gerombolan boleh dilihat dalam kalangan Mat Motor kerana terdapat sekumpulan besar individu yang berkumpul di lokasi yang diketahui untuk berlumba walaupun undang-undang melarangnya. Sebagai contohnya, sekumpulan besar yang bergelar Mat Motor. Mereka berkumpul di lokasi yang boleh dilihat, dirancang untuk berkonvoi melalui kemudahan telekomunikasi jaringan sosial seperti whatapps dan wechat dan kadang kalanya berkumpul di lokasi secara spontan. Hal ini dapat dibuktikan melalui kenyataan Mat Motor yang telah menyatakan bahawa mereka merancang terlebih dahulu tentang lokasi yang dipersetujui untuk berkumpul. Hal ini boleh dilihat melalui kebanyakan mereka berkonvoi di jalan raya seperti di kawasan Batu Uban, Bukit Gambir, kawasan Relau, kawasan sekitar di Jalan Padang Kota dan Jalan Batu Feringghi.

Sehubungan itu, *mob mentality* dalam kajian ini telah digambarkan sebagai mereka hakikatnya tidak bimbang tentang undang-undang yang sedia ada. Hal ini kerana mereka semua dalam kumpulan yang besar. Apabila mereka diserbu oleh pihak polis, mereka akan berselerak melarikan diri di arah yang berbeza dan kemudiannya bersatu kembali. Apa yang penting bagi mereka adalah keseronokan dan kepuasan dapat dipenuhi. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa dalam semua kes, ‘individu yang dimaklumkan’ diikuti oleh orang lain di dalam kumpulan tersebut, membentuk dengan sendirinya struktur geng di jalan secara informal. Hal ini menunjukkan dalam kebanyakan kes informan tidak menyedari bahawa mereka sebenarnya telah dikawal oleh orang lain. Ini adalah contoh yang terbaik tentang bagaimana otak mereka berfungsi di dalam realiti sosial kehidupan sehari-hari. Walaupun tanpa pengaruh atau mana-mana peraturan yang jelas, mereka dilihat dapat menyesuaikan diri dengan baik. Justeru, penyelidik merumuskan mentaliti ‘mengikut kumpulan’ tidak bermanfaat. Hal ini kerana sekiranya informan tidak memahami sepenuhnya pada subjek, maka mereka telah cenderung untuk mengikut individu yang lebih banyak daripada mereka yang lain.

## KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, rakan sebaya merupakan realiti sosial tempat seseorang itu berkomunikasi. Rakan sebaya ini terdiri daripada pelajar-pelajar atau remaja yang mempunyai umur yang hampir-hampir sama di antara satu sama lain. Tanggungjawab moral, keberanian, kejujuran, kemesraan dan lain-lain, para remaja dipengaruhi oleh pendapat dan pandangan rakan sebaya. Seseorang remaja lebih cenderung menuruti tingkah laku kumpulan yang mana ia berada di dalamnya. Remaja di peringkat ini akan bersungguh-sungguh mencuba bertingkah laku seperti tingkah laku kumpulannya. Remaja ini juga akan melakukan apa yang dilakukan oleh kumpulannya. Rakan sebaya agresif mempunyai hubungan yang signifikan dengan faktor

penolakan rakan sebaya di dalam masalah tingkah laku negatif remaja. Terdapat beberapa cara penolakan rakan sebaya mempengaruhi perkembangan remaja untuk terlibat dengan rakan sebaya yang devian dan delikuen. Salah satu cara ialah, remaja yang tidak diterima oleh rakan sebaya akan mengalami masalah kekurangan kemahiran sosial dan agresif selain tingkah laku anti-sosial yang menyebabkan mereka terlibat dengan remaja yang devian.

Kesimpulannya, tekanan rakan sebaya merupakan sesuatu yang lazim di kalangan rakan-rakan. Kebanyakkannya menjurus ke arah negatif jika tidak ditangani dengan rasional dan ianya juga boleh memberi kesan kepada perubahan cara seseorang sama ada cara bercakap, bertingkah laku maupun berfikir.

## **RUJUKAN**

- Arrigo, B. A. (2006). *Criminal behavior: A system approach*. Upper Saddle River, NJ: Pearson Education.
- Battin, S. R., Hill, K. G., Abbott, R. D., Catalano, R. F., & Hawkins, J. D. (1998). The contribution of gang membership to delinquency beyond delinquent friends. *Criminology*, 36, 93-115.
- Bender, K. (2010). Why do some maltreated youth become juvenile offenders? A call for further investigation and adaptation of youth services. *Children and Youth Services Review*, 32, 466-473.
- Creswell, J. W. (2007). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Dishion, T. J., Véronneau, M-H, & Myers, M. W. (2010). Cascading peer dynamics underlying the progression from problem behavior to violence in early to late adolescence. *Development and Psychopathology*, 22, 603-619.
- Fagan, A. A., Van Horn, M. L., Hawkins, J. D., & Arthur, M. W. (2007). Gender similarities and differences in the association between risk and protective factors and self-reported serious delinquency. *Prevention Science*, 8, 115-124.
- Falconer, R. (2004). Boy racer, an ambiguous label. Unpublished MSc Thesis: University of Canterbury, New Zealand.
- Ibrahim, N., Ismail, R., Halim, M. R. T. A., & Amit, N. (2015). Personality, high-risk activities and aggressive behaviour among illegal street racers. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6(5), 527.
- Ismail, R., & Borhanuddin, B. (2009). Pendefinisian semula konsep mat rempit. *Journal Psikologi Malaysia*, 29.
- Jackson, M. S., & Knepper, P. (2003). *Delinquency and justice*. Boston, MA: Pearson Education.
- Jessor, R., Costa, F. M., Krueger, P. M. & Turbin, M. S. (2006). A developmental study of heavy episodic drinking among college students: The role of psychosocial and behavioral protective and risk factors. *Journal of Studies on Alcohol*, 67 (1), 86-94.
- Leigh, A. (1995). Youth and street racing. *Current Issues in Criminal Justice*, 7(3), 388.
- McCord, J., Widom, C. S., & Crowell, N. A. (2001). *Juvenile crime, juvenile justice*. Washington, DC: National Academy Press.
- McCaghy, C. H., Capron, T. A., & Jamieson, J. D. (2003). *Deviant behavior: Crime, conflict, and interest groups*. Boston, MA: Pearson education.

- Megan, D. (2012). *Examining the mob mentality*. South Source: A publication of Source University.
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative research and case study applications in education*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Ness, C. D. (2004). Why girls fight: Female youth violence in the inner city. *Annals of the American Academy of Political and Social Sciences*, 595, 32-48.
- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative research & evaluation methods*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications Inc.
- Siegel, L. J. (2002). *Juvenile delinquency: The core*. Australia: Wadsworth.
- Twenge, J. M., Ciarocco, N.J., Baumeister, R.F., DeWall, C.N., & Bartels, J. M. (2007). Social exclusion decreases pro-social behaviour. *Journal of Personality and Social Psychology*, 92 (1): 56-66.
- Zalmizy Hussin. (2017). Faktor risiko dan bentuk tingkah laku agresif dalam kalangan mat motor dan mat rempit di Pulau Pinang, Malaysia. *Tesis Doktor Falsafah*, Universiti Sains Malaysia.

**Zalmizy Hussin**

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, dasar dan Kerja Sosial,  
UUM College of Arts and Sciences, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia.

[zalmizy@uum.edu.my](mailto:zalmizy@uum.edu.my)  
013 2802227